SIARAN **MEDIA**

Ahli **Kumpulan UEM Group**

UNTUK SIARAN SEGERA 19 JANUARI 2020

UEM Edgenta Perkenalkan Inisiatif "Penggantian Melalui Penyelenggaraan" di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan di Wilayah Utara

- Jalin kerjasama dengan Kementerian untuk memacu kecekapan dalam pengurusan kitaran peralatan penjagaan kesihatan dan memberi manfaat kepada pesakit di Malaysia

LANGKAWI, 19 Januari - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, menerusi anak syarikatnya, Edgenta Mediserve Sdn. Bhd. ("EMSB") hari ini telah mengumumkan inisiatif 'Penggantian Melalui Penyelenggaraan' iaitu program tambahan dalam penyelenggaraan peralatan penjagaan kesihatan yang dilaksanakan di bawah konsesi perkhidmatan sokongan hospital kerajaan. Inisiatif ini merupakan kerjasama dengan Jabatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan ("KKM") yang bakal memperlihatkan kesemua 32 buah hospital di bawah seliaan Syarikat di wilayah utara Semenanjung Malaysia terlibat dalam pelaksanaan program ini kelak.

Hal ini telah dikongsikan ketika majlis pelancaran inisiatif Penggantian Melalui Penyelenggaraan Sistem Pengimbasan, Tomografi Terperinci di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi hari ini.

Inisiatif 'Penggantian Melalui Penyenggaraan' ini diwujudkan untuk mengurus jumlah kitaran hayat peralatan dan meningkatkan kualiti penjagaan pesakit. Untuk fasa pertama inisiatif ini, Syarikat akan bermula dengan penggantian Pengimbas Tomografi Terperinci ("Pengimbas CT"). Penggantian peralatan mesin pengimbas seterusnya akan merangkumi Pengimejan Resonans Magnet ("MRI") dan Pengimbas Tomografi Pelepasan Positron ("Pengimbas PET") antara lain.

Pendekatan penyelenggaraan baharu ini dilakukan melalui perkongsian Syarikat yang sedia ada bersama penyedia teknologi pengimejan perubatan terkemuka dunia. Mesin pengimbas CT yang baharu dan peralatan pengimejan lain yang dibekalkan, menyokong matlamat KKM untuk menyediakan pesakit dengan teknologi moden yang terkini dan mampu menghasilkan imej yang lebih berkualiti serta pantas sehingga membawa kepada diagnosis yang lebih pantas dan selamat untuk pesakit menjalani rawatan.

“Mengamalkan penggunaan peralatan penjagaan kesihatan baharu dan canggih melalui inisiatif seperti ‘Penggantian Melalui Penyelenggaraan’ adalah penting kerana ia membolehkan hospital meningkatkan kecekapan dan penjagaan pesakit. Komitmen kami kepada KKM adalah untuk memastikan peralatan penjagaan kesihatan di hospital-hospital di bawah seliaan kami diselenggarakan dengan baik sepanjang kitaran hayatnya bagi meningkatkan pengalaman pesakit,” kata Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Ketua, Sokongan Kesihatan (Konsesi), Edgenta Mediserve di majlis pelancaran.

Turut hadir merasmikan majlis tersebut ialah YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, yang mengulas, “Memberi penjagaan premium kepada rakyat Malaysia yang semakin ramai populasinya adalah salah satu bidang keutamaan bagi Kementerian. Kami menggalakkan inisiatif dari sektor swasta yang membolehkan hospital menyediakan perkhidmatan dan rawatan setaraf dengan piawaian global yang hanya boleh memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat.”

Pendekatan ‘Penggantian Melalui Penyelenggaraan’ merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh UEM Edgenta untuk menyokong KKM dalam usaha berterusannya bagi meningkatkan perkhidmatan sokongan hospital. Sepanjang beberapa tahun, UEM Edgenta telah melaksanakan beberapa inisiatif di bawah program pengurusan tenaga telah membuka peluang kepada 32 buah hospital KKM yang menyediakan perkhidmatan sokongan diberikan Standard Emas Pengurusan Tenaga ("EMGS") Skim Pengurusan Tenaga ASEAN 1-Bintang ("AEMAS") dan/atau penilaian AEMAS 2-Bintang EMGS.

Secara keseluruhannya, usaha kecekapan tenaga UEM Edgenta telah memberi penjimatan kira-kira RM23.6 juta dalam tempoh 24 bulan pertama (Januari 2017 hingga Disember 2018) program dan berjaya mengurangkan pelepasan alam sekitar ke atas 32 hospital KKM di bawah seliaan Syarikat.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh ***UEM Edgenta Berhad***; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 2725 7367)